

25/07/1997

Mahathir minta Kemboja bersabar

PETALING JAYA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta Kemboja bersabar dan bertindak bijaksana menangani kemelut politik negara itu untuk menjamin kemasukan Phnom Penh dalam Asean.

"Asean sedang memerhati kewibawaan proses pemulihan kestabilan di Kemboja. Sebaik saja kita puas hati bahawa negara Indochina itu masih berhasrat menyertai Asean, kami akan menimbangkan permohonan itu," kata Perdana Menteri.

Beliau menyambut baik keputusan Perdana Menteri Kedua Kemboja, Hun Sen menerima Asean memainkan peranan dalam mengatasi masalah negara itu.

"Jika Kemboja menerima Asean untuk melakukan perkara tertentu, kita akan menimbangkannya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Menteri Luar Asean (AMM) di Sunway Lagoon Resort Hotel di sini, hari ini.

Dr Mahathir tidak menolak kemungkinan Kemboja boleh diterima menyertai Asean tahun ini.

Beliau berkata, kerajaan yang ada sekarang dan sebelumnya yang mempunyai dua perdana menteri dibentuk melalui hasil usaha antarabangsa.

Dr Mahathir berkata, pilihan raya adalah cara yang paling wajar untuk menentukan kepemimpinan negara itu.

Hun Sen yang menggulingkan Perdana Menteri Pertama, Putera Norodom Ranariddh pada 6 Julai lalu dilaporkan mengubah pendiriannya menerima usaha Asean untuk memulihkan kestabilan politik Kemboja.

Minggu lalu beliau menolak usaha itu sambil menyifatkannya sebagai campur tangan dalam hal ehwal negara itu.

Asean mengekalkan pendiriannya menengguhkan kemasukan Kemboja, manakala Laos dan Myanmar menyertai perkumpulan serantau itu semalam, menjadikan jumlah anggotanya kepada sembilan negara.

Perdana Menteri yakin masalah di Kemboja dapat diselesaikan bergantung kepada masa, kesabaran dan keikhlasan.

Mengulas kenyataan Hun Sen yang menyifatkan Asean melakukan satu kesilapan besar apabila menolak kemasukan Kemboja, Dr Mahathir berkata, Perdana Menteri Kedua itu berhak menyuarakan pandangannya.

"Asean tidak mengambil keputusan berdasarkan suatu kenyataan umum tetapi kepada rundingan bersama," katanya.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, pada sidang akhbar bersama Menteri Luar Indonesia, Ali Alatas, berkata Asean akan terus menerajui usaha mencari penyelesaian berhubung isu Kemboja.

Alatas berkata, isu Kemboja, bukan saja mendapat perhatian Asean, tetapi negara lain seperti Amerika Syarikat, Jepun, Australia dan Perancis.

"Bagaimanapun, Asean adalah pertubuhan serantau yang pertama menawarkan usaha penyelesaian. Asean juga bersetuju bertukar maklumat dengan wakil khas Amerika, Stephen Solarz, yang dihantar untuk mencari jalan merungkaikan kemelut kuasa di Kemboja," katanya.

Alatas, selain Menteri Luar Thailand, Prachuab Paiyasan dan Severino Siazon (Filipina) adalah wakil khas Asean dalam merundingkan isu Kemboja.

"Asean secara automatik terbabit dalam masalah yang timbul di rantau ini. Jika kuasa luar perlu dalam mencari penyelesaian di Kemboja, Asean adalah pertubuhan yang sewajarnya memainkan peranan itu.

"Bagaimanapun, isu Kemboja perlu diselesaikan secara bersama di kalangan negara Asean sendiri, mahu pun dengan negara lain yang menyeliakan usaha perundingan yang serupa," katanya.

Alatas berkata, buat masa ini, Asean mengambil sikap tunggu dan lihat,

tidak mahu membuat sebarang penilaian dan penerimaan terhadap mana-mana kerajaan yang memerintah Kemboja.

"Apa yang penting bagi Asean, memerhati usaha pemulihan kestabilan politik, pembentukan kerajaan campuran Parti Rakyat Kemboja (CPP)- Funcinpec dan penamatan permusuhan antara kedua-dua pihak yang bertelagah.

(END)